KOSMO – JUMAAT 9 FEBRUARI 2018

Menangani isu penderaan kanak-kanak di Malaysia

Di Sebalik Isu Panas

Sumber: AMAT JAZLAN MAD LELA

ISU penderaan kanak-kanak sekali lagi topik perbualan masyarakat di negara ini berikutan kematian seorang kanak-kanak perempuan, Nur Aina Nabihah Muhammad Abdullah, 8, yang dilakukan menjadi mangsa dera bapa kandungnya pada 11 Januari lalu.

Dalam kejadian yang berlaku di Lukut, Negeri Sembilan itu, mangsa didapati tidak sedarkan diri sebelum dibawa ke Hospital Tuanku Jaafar (HTJ) untuk rawatan.

Bagaimanapun, mangsa telah meninggal dunia tidak lama kemudian sebelum pemeriksaan mendapati terdapat kesan lebam pada seluruh tubuh mangsa.

Lebih menggunakan, laporan bedah siasat menunjukkan kematian mangsa berpunca daripada kecederaan parah pada organ dalaman.

Belum sempat masyarakat mengatapi pemergian adik Nur Aina Nabihah, mereka dikejutkan pula dengan kematian Nur Kayra, seorang bayi perempuan berusia enam bulan di Taiping, Perak pada 6 Februari lalu juga dityaki didera.

Difahamkan, mangsa telah dimwat di Hospital Taiping selak Jumaat lalu selepas tidak sedarkan diri sebelum meninggal dunia.

Hasil bedah siasat di Hospital Raja Permaisuri Bainun di Ipoh mendapati punca kematian mangsa disebabkan kecederaan pada kepala akibat dipukul objek tumpul.

Apa yang pasti, kedua-dua kejadian menyayat hati itu hanyalah sesebia daripada lambakan kes penderaan kanak-kanak yang semakin berlebuan di negara ini.

Malah, apa yang dibimbangkan perbuatan yang tidak berperikemanusiaan itu juga turut dilakukan oleh ibu atau bapa kandung mangsa, selain melibatkan penjaga atau pengasuh.

Situasi ini, secara tidak langsung menunjukkan kanak-kanak sebagai objek melepas geram atau disalini serta boleh diperlakukan begitu sahaja.

Berdasarkan statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sebanyak 4,672 kes penderaan kanak-kanak direkodkan sepanjang tahun 2015 dan 2016.

Daripada jumlah itu, penderaan fisikal mencatatkan kes paling tinggi lalu 2,470 kes manakala 2,092 kes adalah penderaan seksual selain penderaan emosi 170 kes.

Mengulas lanjut, **Pensyarah Psikologi Klinikal Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Hilwa Abdullah** berkata, kanak-kanak sering menjadi mangsa penderaan kerana faktor fisikal mereka.

> Antara punca berlakunya penderaan terhadap kanak-kanak disebabkan si pelakunya gagal mengawal emosi dengan baik dan sempurna

"Sebagai kanak-kanak, selakat mana kudrat dan kekuatan mereka untuk melawan si penderi yang rata-rata mempakan orang dewasa.

"Sebab itu, dalam kebanyakan kes penderaan mangsanya merupakan kanak-kanak kerana mereka merupakan sasaran mudah berhanding remaja.

"Lagi pun, masyarakat lazim mempercaya kata-kata orang dewasa berhanding kanak-kanak dan tidak bahrunlah kegiatan itu berjaya dilaminanjikan dan hanya terbongkar selepas mangsa mengalami kecederaan atau ketika dirawat di hospital," katanya ketika dihubungi Kosmo' baru-baru ini.

Tambah Hilwa, antara punca berlakunya penderaan terhadap kanak-kanak disebabkan si pelakunya gagal mengawal emosi dengan baik dan sempurna.

Katanya, ia boleh disebabkan pelbagai faktor seperti tekanan di tempat kerja, masalah kewangan, masalah keluarga dan sebagainya.

"Apabila masalah di tempat kerja dibawa pulang ke rumah tidak mentabil tekanan itu dilepaskan kepada anak-anak tanpa disedari.

"Begitu juga dengan masalah kewangan atau keluarga apabila ia gagal dilangsai maka anak-anak mudah menjadi tempat melepaskan geram dan marah," ujarnya.

Jelasnya, lazar belakang keluarga, personaliti dan kerjaya turut mempengaruhi bagaimana seseorang itu bertindak termasuk ketika mendidik anak-anak.

"Kamlah mendidik anak-anak adalah pelbagai, ada yang menggunakan kaedah psikologi, diplomasi dan tidak kurang juga yang menitikberatkan ketegasan dan disiplin.

"Dalam kes di Lukut baru-baru ini kemungkinan suspek sudah terbiasa dengan kehidupan hasil sebagai anggota pasukan keselamatan sehingga terbawa-bawa di dalam kidupnya termasuk ketika mendidik anak-anak.

"Mungkin pendekatan keberaan atau berbentuk hukuman yang dilaksanakan agak keterlaluan dan siapa sangka ia akan berakhir dengan tragedi seperti ini," katanya.

Sementara itu, **pendakwah bebas, Ustaz Mubidin Mokter** pula berkata, islam melarang umatnya untuk mencalimi setiap makhluk ciptaan Allah SWT apatah lagi yang mempunyai kedudukan tertinggi seperti manusia.

Lantaran itu katanya, individu yang sanggup bertindak gatas, kejam dan memalimi orang lain apatah lagi melibatkan darah daging sendiri disifatkan sebagai tidak takut kepada Allah dan sekasan api nereka.